



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

☎: +609-6684111

☎: +609-6684217

🌐: www.umt.edu.my

✉: pejabat.bendahari@umt.edu.my

PEJABAT BENDAHARI
BURSAR OFFICE

Rujukan kami : UMT/BEND/100-4/8 JILID 6 (16)
Tarikh : 12 Ogos 2025
Bersamaan : 18 Safar 1447H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 14 TAHUN 2025

KADAR BAYARAN INSENTIF RAKAN KERJASAMA LUAR NEGARA DAN ALUMNI BAGI PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang kadar bayaran insentif rakan kerjasama luar negara dan alumni bagi pengambilan pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Bayaran insentif kepada rakan kerjasama luar negara dan alumni bagi pengambilan pelajar antarabangsa adalah salah satu strategi bagi meningkatkan kemasukan bilangan pelajar antarabangsa ke UMT.



2.2 Penetapan kadar bayaran insentif rakan kerjasama luar negara dan alumni bagi pengambilan pelajar antarabangsa UMT ini telah diperaku dan diluluskan oleh jawatankuasa berikut:

- a. Mesyuarat Jawatankuasa Yuran Kali Ke-44 (Khas) Bil. 3 Tahun 2025 yang bersidang pada 24 Jun 2025; dan
- b. Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) Kali ke-70 (Bil. 3 Tahun 2025) pada 3 Ogos 2025.

3. KADAR BAYARAN INSENTIF

Jumlah kadar kadar bayaran insentif rakan kerjasama luar negara dan alumni bagi pengambilan pelajar antarabangsa UMT adalah seperti ketetapan di Jadual 1 berikut:

Aspek	Ketetapan
Pelantikan	Terbuka kepada rakan kolaborasi universiti luar negara dan alumni UMT
Tanggungjawab	Rakan kolaborasi dan alumni bertanggungjawab membantu pelajar antarabangsa membuat permohonan kemasukan dan kebajikan pelajar sepanjang pengajian di UMT
Bayaran	RM500/pelajar

Jadual 1: Tanggungjawab dan peranan serta kadar bayaran insentif bagi rakan kerjasama luar negara dan alumni bagi pengambilan pelajar antarabangsa UMT

4. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pemakaiannya mulai 3 Ogos 2025.

Sekian, terima kasih.

"Kebersamaan UMT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN
Bendahari
Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Penolong Naib Canselor (Industri, Masyarakat dan Digital)
5. Penolong Naib Canselor (Strategi, Prestasi dan Korporat)
5. Fail